

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YANG BERHORMAT
DATUK SERI AHMAD MASLAN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA
SEMPENA KONVENSYEN KONTRAKTOR
CIDB MALAYSIA 2025
20 OGOS 2025 (RABU) | JOHOR BAHRU
Tema: “Mencipta Peluang Mendorong
Pertumbuhan Industri Pembinaan”**

**SALUTASI [FINAL SALUTATION WILL BE PROVIDED ON THE
EVENT DAY]**

1. ALHAMDULILLAH, PERTAMANYA marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dapat bersama - sama berkumpul pada pagi ini di bumi bertuah Johor Darul Ta'zim bagi menjayakan **Konvensyen Kontraktor 3.0, tahun 2025** dengan tema, **“Mencipta Peluang-Mendorong Pertumbuhan Industri Pembinaan Konvensyen”**.

YB Datuk/Dato, Saudara dan Saudari sekalian,

2. Konvensyen Kontraktor ini merupakan acara tahunan CIDB yang disertai usahawan binaan dari Gred G1 sehingga Gred G7 dan stakeholders utama industri untuk bertemu, berbincang, bertukar idea, berkongsi peluang dan pengalaman serta amalan terbaik dalam industri pembinaan dalam bidang kepakaran masing-masing.

3. Konvensyen Kontraktor 3.0, 2025 julung kalinya dianjurkan di luar Kuala Lumpur dan Bandaraya Johor Bahru telah dipilih sebagai lokasi Konvensyen ini kerana kedudukannya yang strategik – bersempadan dengan Singapura, memiliki pelabuhan bertaraf dunia, kawasan perindustrian yang pesat

membangun, dan tenaga kerja mahir yang berdaya saing. Keunikan ini menjadikan Johor sebagai nadi ekonomi selatan tanah air. Negeri ini bukan sahaja menyumbang secara signifikan kepada KDNK negara, malah menjadi pintu masuk utama pelaburan antarabangsa.

4. Berdasarkan rekod CIDB, jumlah kontraktor berdaftar di Johor direkodkan sebanyak 12,508 merangkumi 9.02 peratus daripada jumlah keseluruhan kontraktor berdaftar di Malaysia. Dalam tempoh tiga tahun selepas pandemik COVID-19 (2022–2024), Johor merekodkan 28,614 projek pembinaan dengan nilai keseluruhan mencecah RM102,74 bilion – bukti bahawa industri pembinaan di negeri ini kekal rancak dan berdaya tahan.

5. Tema konvensyen kita kali ini, “Mencipta Peluang, Mendorong Pertumbuhan Industri Pembinaan” amat bertepatan dengan realiti semasa. Industri pembinaan bukan sekadar membina infrastruktur fizikal, tetapi turut memacu pertumbuhan ekonomi negeri dan negara. Para kontraktor perlu melihat setiap perkembangan dasar dan teknologi sebagai peluang untuk berkembang.

6. Kementerian Kerja Raya melalui Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030) menetapkan visi untuk menjadikan sektor pembinaan lebih berdaya tahan, berinovasi, dan mampan. NCP 2030 menekankan enam teras utama: meningkatkan produktiviti, memacu kelestarian, mengarusperdanakan teknologi digital, meningkatkan kualiti tenaga kerja, mengukuhkan tadbir urus industri, dan memperluas pasaran. Aspirasi ini selari dengan kerangka **Ekonomi MADANI** dan **RMK-13**, yang memfokus kepada tadbir urus cekap, penciptaan nilai ekonomi merentasi sektor, dan pembangunan sosial yang inklusif dan responsif.

7. Salah satu agenda transformasi industri yang menjadi fokus adalah Pengurusan Fasiliti (Facilities Management, FM). FM kini bukan lagi sekadar penyelenggaraan aset secara reaktif, tetapi perlu dilihat sebagai satu fungsi strategik yang menyokong produktiviti dan kelestarian jangka panjang. KKR bersama CIDB sedang memperkukuh standard industri melalui pembangunan piawaian berasaskan ISO 41001 dan Construction Industry Standard (CIS) FM, yang akan menjadi rujukan kepada kontraktor dan syarikat FM dalam mengurus fasiliti mengikut amalan terbaik. Bagi kontraktor, ini adalah peluang untuk mempelbagaikan perkhidmatan, menguasai

kemahiran baharu, dan menembusi pasaran FM yang semakin berkembang.

8. Agenda kedua adalah pendigitalan industri pembinaan. Melalui inisiatif MyDIGITAL dan pelaksanaan Building Information Modelling (BIM), Internet of Things (IoT), dan analisis data raya (Big Data), kita sedang mengubah cara projek dirancang, dilaksanakan dan dipantau. Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan 1.15 – Pelaksanaan *Building Information Modelling (BIM)* bagi mewajibkan BIM dalam pelaksanaan projek pembinaan kerajaan dan pengurusan aset dan fasiliti yang berkuatkuasa 1 Julai 2025. Johor, sebagai pintu masuk digital negara dengan pembangunan hab pusat data berskala besar, berpotensi menjadi pusat kecemerlangan teknologi pembinaan pintar. Kontraktor perlu bersedia untuk beroperasi dalam ekosistem digital ini supaya dapat bersaing di peringkat serantau.

9. Ketiga adalah kelestarian dan pematuhan kepada piawaian ESG (Environmental, Social & Governance). KKR komited untuk memastikan semua projek pembinaan menyokong agenda pelepasan sifar bersih menjelang 2050, penggunaan tenaga boleh diperbaharui, dan pengurangan jejak karbon. Pelbagai inisiatif yang dihasilkan bagi menyokong

pelaksanaan dasar ini seperti MyCREST, GBI, Infrastar dan yang terkini SB Mark (SustainBuild Mark) yang akan dilancarkan pada ICW 2025 nanti. Ini selari komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Bagi kontraktor, pematuhan ESG bukan sekadar tanggungjawab sosial, tetapi juga menjadi kriteria utama dalam proses perolehan dan pelaburan.

10. Satu lagi bidang baharu yang sedang diterokai ialah potensi tenaga nuklear sebagai sebahagian daripada campuran tenaga negara pada masa depan. Walaupun masih di peringkat kajian dan perancangan, sektor pembinaan akan menjadi pemain utama dalam menyediakan infrastruktur berkaitan jika teknologi ini dilaksanakan. Kontraktor yang bersedia dari segi kepakaran teknikal dan pematuhan keselamatan akan mempunyai kelebihan kompetitif apabila peluang ini dibuka.

11. Kesemua agenda ini memerlukan penglibatan aktif, kesediaan untuk berubah, dan komitmen berterusan daripada semua pemain industri. Industri pembinaan tidak hanya berada dalam bidang perkhidmatan sahaja, ianya turut melibatkan rantai atau ekosistem di semua peringkat, bahan mentah seperti perlombongan, perhutanan (huluan), pemprosesan dalam pembuatan (pertengahan atau mid stream), borong dan

runcit serta penggunaan di peringkat hiliran atau downstream. Saya mengajak semua kontraktor untuk mencari dan mengambil peluang yang ada di setiap rantai, menyertai program latihan, mendapatkan pensijilan yang relevan, dan membina rangkaian kerjasama strategik.

12. CIDB sebagai badan pengawal selia kepada industri pembinaan, komited dan sentiasa berusaha untuk memastikan ekoniaga dalam industri pembinaan di negara kita dalam persekitaran yang kondusif dan menyediakan dalam persaingan sihat (*fair level playing field*). Hasil yang ingin dikecapi adalah kemajuan yang berimbang, dalam pembentukan negara yang mampan termasuk kelangsungan industri pembinaan tempatan yang berdaya saing serta mampan.

Hadirin sekalian,

13. Konvensyen Kontraktor ini sudah pun menjadi satu acara tahunan yang dinanti-nantikan. Apa yang lebih penting, adalah hasil serta cerapan, pertukaran idea dan pembelajaran pengalaman, daripada pembentang-pembentang serta di kalangan para peserta konvensyen dapat dimanfaatkan demi kepentingan bersama. Saya mengucapkan terima kasih kepada

Kerajaan Negeri Johor, Penaja, Penyumbang, Pempamer, Rakan Strategik serta semua pihak yang telah dan akan menjayakan konvensyen ini, budi tuan Allah SWT akan membalasnya.

14. Ingin saya merakamkan penghargaan kepada organisasi yang terlibat seperti (visual ditayangkan):

- i. CIDB Malaysia
- ii. Bahagian Pembangunan Ekonomi Kerajaan Johor
- iii. Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
- iv. Johor Centre for Construction Development (JCCD)
- v. Credit Guarantee Corporation (CGC)
- vi. Perbadanan Hartanah Berhad
- vii. Johor Land Group Integra
- viii. Selia Selenggara Selatan Sdn Bhd
- ix. KCJ Engineering Sdn Bhd
- x. GFM Services Sdn Bhd
- xi. GSPARX Sdn Bhd
- xii. Smartpaint (M) Sdn Bhd
- xiii. Prestigious Prefabrication Sdn Bhd
- xiv. IOX Techglobal

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua peserta dan pihak yang terlibat dalam penganjuran program ini. Semoga konvensyen ini menjadi titik tolak kepada kejayaan yang lebih gemilang untuk industri pembinaan negeri Johor.

Penutup

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Kontraktor CIDB Malaysia 2025, dengan tema Mencipta Peluang Mendorong Pertumbuhan Industri Pembinaan.

Sekian Terima kasih.

Wabillahi taufiq walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.